

IKLAN JAWATAN KOSONG
PERSONEL SHORT-TERM EMPLOYMENT PROGRAM (MySTEP)
HOSPITAL CANCELOR TUANKU MUHRIZ (HCTM)

Jabatan Sumber Manusia ingin mempelawa warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas serta berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan di Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) UKM seperti berikut:

Jawatan : **Personel MyStep**
Kelayakan : **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / Sijil Vokasional Malaysia (SVM)**
Gaji : **RM 1,700.00 sebulan**

1. SYARAT KELAYAKAN

Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

- **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Sijil Terbuka (dilaksanakan mulai 1999)**

Calon yang memiliki Sijil SPM mengikut sistem terbuka adalah layak dipertimbangkan pelantikan ke jawatan dalam Kumpulan Pelaksana yang bersesuaian yang mensyaratkan SPM tertakluk calon berkenaan memiliki keputusan SPM Sijil Terbuka seperti berikut:

- a) lulus enam (6) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua (2) daripada mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian dan selebihnya peringkat Lulus dalam satu peperiksaan; atau
- b) lulus enam (6) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua (2) mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian dan selebihnya peringkat Lulus yang dikumpulkan dalam dua peperiksaan dalam tempoh tiga tahun berturut-turut; dan
- c) memenuhi syarat Bahasa Melayu sama ada Kepujian atau Lulus (mana yang berkenaan) dan mata pelajaran tertentu seperti mana disyaratkan dalam skim perkhidmatan

- **Sijil Vokasional Malaysia (SVM) (dilaksanakan mulai 2012)**

Calon yang memiliki Sijil SVM adalah layak dipertimbangkan pelantikan ke jawatan dalam Kumpulan Pelaksana yang bersesuaian yang mensyaratkan SPM/SVM. Bagi tujuan memenuhi syarat lulus atau kepujian Bahasa Melayu untuk pelantikan ke Perkhidmatan Awam, calon hendaklah memperoleh pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu (Kod 1104) seperti berikut:

Syarat Kelulusan Bahasa Melayu Untuk Pelantikan Ke Perkhidmatan Awam	Syarat Pencapaian Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu (Kod 1104)
Kepujian	Sekurang-kurangnya Gred 'C'

2. KEMUDAHAN

- i. Cuti Rehat – 12 hari setahun dikira secara purata (*prorate*) mengikut tempoh kontrak;
- ii. Cuti Sakit – 14 hari setahun dikira secara purata (*prorate*) mengikut tempoh kontrak;
- iii. Perlindungan Sosial – Caruman KWSP dan Caruman PERKESO.

3. DESKRIPSI TUGAS

- i. Menguruskan khidmat keperluan rawatan temujanji pesakit di klinik / wad.
- ii. Menguruskan jadual temujanji pesakit di klinik / wad.
- iii. Mendaftar pesakit baharu ke dalam sistem.
- iv. Mengemaskini status kehadiran bagi setiap temujanji pesakit.
- v. Memastikan fail pesakit disediakan pada hari temujanji pesakit.
- vi. Membuat tugas-tugas pentadbiran seperti surat menyurat dan lain-lain.

4. KRITERIA PEMILIHAN:

- i. Berkebolehan menggunakan *Microsoft Office* dengan baik;
- ii. Berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik;
- iii. Boleh bekerja secara individu dan berkumpulan serta menjalankan tugas lain seperti yang diarahkan dari semasa ke semasa;
- iv. Boleh bekerja secara syif.

5. CARA MEMOHON:

- i. Calon boleh membuat permohonan dengan mengemukakan dokumen ke alamat e-mel **ejawatan@ppukm.ukm.edu.my**. Berikut adalah dokumen yang perlu dilampirkan untuk permohonan jawatan:
 - a. **Curriculum Vitae (CV) yang lengkap**
 - b. **Salinan Kad Pengenalan**
 - c. **Salinan Sijil SPM/SVM**
 - d. **Salinan Sijil Berhenti Sekolah**
- ii. Hanya calon yang layak sahaja akan dihubungi untuk sesi temu bual. Permohonan dianggap tidak berjaya sekiranya tidak menerima sebarang pemakluman selepas 4 bulan daripada tarikh tutup permohonan.

TARIKH TUTUP IKLAN : 5 Mac 2024